



**IKLAN JAWATAN PENOLONG GURU GRED N11 (KONTRAK)
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
NEGERI SELANGOR**

1. BUTIRAN JAWATAN

- 1.1 Jawatan : **Penolong Guru Tabika**
- 1.2 Gred Jawatan : N11
- 1.3 Kumpulan : Pelaksana
- Perkhidmatan
- 1.4 Taraf Jawatan : **Kontrak**
- 1.5 Agensi : Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Selangor
- 1.6 Bilangan Kekosongan : Enam belas (16)
- 1.7 Tempat Kekosongan : Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Selangor

2. JADUAL GRED GAJI : RM1,216.00 – RM2,983.00

3. ELAUN :
- Imbuan Tetap Perumahan RM300.00
 - Imbuan Tetap Khidmat Awam RM95.00
 - Bantuan Imbuan Sara Hidup (BISH) RM200-RM350 (mengikut kawasan)

4. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- 4.1 Warganegara Malaysia;
- 4.2 Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 4.3 Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N11: RM1,216.00) atau
- 4.4 PT3/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].
(Gaji permulaan pada Gred N11: RM1,262.15)
- 4.5 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya **Gred C**) dalam subjek **Bahasa Melayu** dan **Gred D** bagi **4 mata pelajaran lain termasuk Matematik** pada peringkat **PMR**; atau
- 4.6 Kepujian (sekurang-kurangnya Gred **C**) dalam subjek **Bahasa Melayu dan Gred E** bagi **4 mata pelajaran lain termasuk Matematik** bagi peringkat **PT3**.
- 4.7 Keutamaan permohonan adalah bagi yang menetap di Negeri Selangor sahaja.

5. DESKRIPSI TUGAS

- 5.1 Bertanggungjawab menguruskan kebersihan dan keselesaan kelas.
- 5.2 Menguruskan akaun kelas, membantu tugas-tugas guru.
- 5.3 Mengurus makan/minum kanak-kanak tabika.
- 5.4 Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa termasuk dalam urusan pelaksanaan aktiviti.

6. CARA MEMOHON

- 6.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan yang boleh diperolehi di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Selangor atau layari laman sesawang <https://www.jpnn.gov.my>
- 6.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 17 Bab 'A' Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- 6.3 Borang Permohonan lengkap hendaklah disertakan **gambar terkini (berukuran passport), salinan Mykad, salinan Sijil Kelahiran, salinan Sijil Berhenti Sekolah, salinan Sijil PMR/PT3, Sijil Digital Vaksin Covid-19** serta dokumen-dokumen sokongan yang mana berkaitan.

Borang permohonan perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**PENGARAH
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
NEGERI SELANGOR
TINGKAT 9, WISMA PKPS
PERSIARAN PERBANDARAN, SEKSYEN 14
40517 SHAH ALAM**

7. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 6 OKTOBER 2022**

8. PANGGILAN TEMUDUGA

- 8.1 Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK**:
 - (i) TIDAK lengkap / TIDAK jelas;
 - (ii) TIDAK memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - (iii) TIDAK disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan;
 - (iv) TIDAK menandatangani borang permohonan;
 - (v) TIDAK mengikut Peraturan 17 Bab 'A' Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 bagi calon yang sedang berkhidmat.
- 8.2 Hanya calon yang berkelayakan dan memenuhi syarat tapisan yang akan dipanggil untuk menghadiri temu duga. Calon-calun yang tidak dihubungi selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.
- 8.3 Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah tanggungan sendiri dan jabatan tidak akan melayan sebarang tuntutan.

Tarikh : 5 September 2022